**Bil. S 72**

**AKTA PASPORT**
**(Penggal 146)**

**PERINTAH PASPORT (VISA) (PENGECUALIAN) (PINDAAN) (BIL. 2), 2018**

SUSUNAN PERENGGAN-PERENGGAN

Perenggan

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa

2. Pindaan Jadual Ketiga kepada O1 dari Penggal 146

3. Pindaan Jadual Keempat

**AKTA PASPORT**
**(Penggal 146)**

**PERINTAH PASPORT (VISA) (PENGECUALIAN) (PINDAAN) (BIL. 2), 2018**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 4 dari Akta Pasport, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran dan permulaan kuat kuasa**

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pasport (Visa) (Pengecualian) (Pindaan) (Bil. 2), 2018 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb September, 2018.

**Pindaan Jadual Ketiga kepada O1 dari Penggal 146**

2. Perintah Pasport (Visa) (Pengecualian), dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda dalam Jadual Ketiga, dengan memasukkan "Republik Costa Rica" sejurus sebelum "Republik Croatia".

**Pindaan Jadual Keempat**

3. Jadual Keempat kepada Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan "Republik Costa Rica" sejurus sebelum "Republik Croatia".

Diperbuat pada hari ini 14 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1440 bersamaan dengan 22 haribulan November, 2018 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM